

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N19 JAWI
EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

Alhamdulillah robbil 'aalamiin, wassholaatu wassalaamu 'alaaashrofil anbiya' walmursaliin wa 'alaa alihi wasshokhbihi ajma'iin

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri dan Sidang hadirin dan hadirat sekalian.

Selamat pagi/petang, salam sejahtera, salam perpaduan, salam Malaysia Madani dan salam Penang2030.

1. Syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama- sama lagi pada pagi/petang yang indah dan berkah ini dalam Sesi Persidangan Penggulungan Sidang Muda Dewan Undangan Negeri bagi sesi 2024.
2. Saya juga ingin memanjatkan salam takziah dan belangsungkawa di atas pemergian Almarhum Yang Berhormat Nor Zamri bin Latiff, penyandang (ADUN Sungai Bakap) pada 24 Mei 2024. Semoga roh beliau dicucuri rahmat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

3. Memulakan kalam,sebelum saya menoktahkan persoalan-persoalan yang telah dilontarkan kepada saya, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengajukan soalan-soalan yang terkait di bawah portfolio saya iaitu Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa. Saya sangat bersukacita untuk menjawab setiap soalan yang terbuku dalam benak fikiran dan sanubari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

*Minum kopi tidak bergula,
Dicicip bersama kuih suji,
EXCO KT jawab segera,
Supaya YB-YB tak tertanya lagi.*

*Daun selasih di atas para,
Dibuat makan anak teruna,
Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,
Kini saya gulung bicara.*

4. Meniti soalan yang pertama daripada **Yang Berhormat (KOMTAR)** berkenaan KESELAMATAN bagi Cadangan memohon pihak Majlis Bandaraya untuk memeriksa semula jangka hayat pokok-pokok usang dan pokok-pokok berhampiran jalan raya untuk memastikan keselamatan rakyat. Bagi mengelakkan Insiden pokok tumbang pada sekitar tahun 2022 di Teluk Kumbar warga emas dihempap sebiji buah kelapa. Untuk maklumat YB Komtar, MBPP juga telah melaksanakan penilaian risiko pokok bawah pada setiap hujung bulan untuk memastikan keselamatan dan kawalan terhadap pokok-pokok di sekitar bandaraya. Disamping itu, MBPP telah pun melaksanakan sebuah sistem yang akan monitoring (dengan izin) setiap tanaman yang ada di seluruh bahagian pulau melalui penilaian warna daun, batang pokok dan sebagainya demi memastikan tahap kesihatan pokok itu ditahap yang optimum.

Selain itu, sistem Penang Tree Inventory System (PeTIS) sangat efektif. Tambahan pula, pemeriksaan Visual Tree Assessment (VTA) pokok dilaksanakan dengan kekerapan sekali pada setiap tahun ke atas pokok-pokok yang berisiko (condong, mempunyai ruang pengakaran yang terhad dan kecederaan) dan akan dipantau secara berkala oleh Arboris MBPP bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Dalam keseluruhannya, MBPP telah mengambil langkah yang proaktif untuk memelihara dan mengawal pokok-pokok di sekitar bandaraya, termasuk pokok-pokok warisan, untuk memastikan keselamatan dan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini.

5. Begitu pula, isu yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat (KEBUN BUNGA)** ruang lingkungannya agak sama, berkaitan pokok juga, berkait isu insiden sebatang pokok besar tumbang di Jalan Macalister, berhampiran Island Hospital Pulau Pinang ketika hujan lebat pada 11 Mei yang lepas tidak boleh dipandang remeh. YB menanyakan adakah kerajaan negeri bercadang untuk menebang pokok tersebut atau memindahkan pokok tersebut ke kawasan lain? Kerajaan negeri akan meneliti dan melihat setiap sudut pandang kemaslahatan dan kemudaratannya jika perlu ditebang atau dipindahkan. Oleh kerana Kaedah Picus Sonic Tomograph akan digunakan dalam mengatasi isu pokok ini. Pihak MBPP sentiasa mengambil langkah drastik dengan menggunakan kaedah Picus Sonic Tomograph dan Resistograph bagi mengesan pereputan di dahan, batang dan banir pokok (bahagian bawah pokok berhampiran dengan akar). MBPP turut meneliti penggunaan kaedah IML- RESI PowerDrill Series sekiranya bersesuaian. Kita juga harus mengikuti perintah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) agar tidak semudah itu dengan menebang atau sebagainya kerana manfaat pokok ini terlalu banyak terhadap manusia seperti pelepasan oksigen, penyerapan karbon dioksida dan mengurangkan kesan urban heat island dan pemanasan global. Untuk memastikan keselamatan, kawalan terhadap pokok-pokok di sekitar bandaraya dan penilaian setiap inci pokok berkenaan bagi mengetahui indikasi kesihatan pokok itu dan akan sentiasa diselenggara. Yang kedua, Sekiranya ditebang adakah penanaman semula pokok akan dilaksanakan untuk memastikan kelestarian alam sekitar terutamanya di kawasan Kebun Bunga terpelihara? Untuk penebangan pokok, kita akan perhalusi setiap jenis pokok yang ada. MBPP telah menetapkan guideline setiap ukur lilit pokok dan jenis-jenis tanaman pokok yang tumbuh di sekitar pulau. MBPP tidak akan sewenang-wenangnya menebang setiap pokok yang ada, jika pokok berkenaan berada di bawah status HERITAGE, Pihak "local authority" (dengan izin) akan memelihara dan memulihara pokok berkenaan kerana bilangan kanopinya yang tiada ganti dan nilai estetika yang tinggi. Untuk penanaman semula, MBPP telah melaksanakan program penanaman 100 pokok bersama Pusat Kawalan Cemas dan MBPP di kawasan yang telah digazetkan iaitu di Lilitan Sungai Ara Bayan Lepas. Program ini termasuk penanaman pokok seperti Sakura dan Pride of India. Ketiga, Berapakah tempoh yang akan diambil untuk menangani masalah tersebut? MBSP dan MBPP perlu menghantar laporan mengenai keadaan pokok-pokok kepada saya setiap minggu bagi memastikan kesemua pokok adalah selamat dan tidak membahayakan kepada

orang ramai. Mungkin program penanaman pokok ini juga mengambil tempoh masa minimum dalam 3 hingga 4 tahun. Bagi memastikan kondisi dan kematangan pokok ditahap yang terbaik.

6. Sementelahnpula, Soalan ada dibangkitkan oleh **Yang Berhormat (AIR PUTIH)** berkenaan isu parking haram yang telah berlarutan di sekitar bahagian Pulau. Hal ini telah memberikan impak negative kepada lalu lintas serta menimbulkan “HIGH CONGESTION ROAD” dengan izin. Isu ini sangat berkait rapat dengan pihak pbt dibawah pengelolaan MBPP iaitu dibawah portfolio saya. Jadi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai solusi menangani masalah parking haram di bahu jalan dengan beberapa langkah yang termaktub. MBPP akan memberikan arahan kepada individu yang mendapati diri mereka dikenakan pemberitahuan kesalahan parking haram tetapi tidak berada di tempat kesalahan pada tarikh tersebut untuk mengemukakan salinan geran kenderaan dan piring cukai di unit 4 paras 3 Komtar untuk tindakan selanjutnya. Bagi individu yang hanya meletak kereta sekejap tetapi tetap dikenakan pemberitahuan kesalahan, MBPP menasihatkan untuk merujuk kepada Bahagian Penguatkuasa untuk tindakan lanjut. Bayaran parkir boleh dibuat melalui Aplikasi Penang Smart Parking atau ejen e- kupon yang dilantik. Pembelian pas bulanan tempat letak kereta juga boleh dilakukan melalui Aplikasi Penang Smart Parking atau portal Penang Smart Parking. Dengan langkah-langkah ini, MBPP berusaha untuk mengawal dan menangani masalah parking haram di bahu jalan dengan memberikan saluran aduan yang mudah diakses dan proses penyelesaian yang sistematik.

7. Selanjutnya, **Yang Berhormat (SUNGAI DUA)** ada membangkitkan agar pembukaan Food Court Khas untuk peniaga kecil dan sederhana di Sungai Dua dapat meningkatkan peluang perniagaan dan menumbuhkan ekonomi tempatan. Pada hemat saya, Pembukaan Food Court ini akan menjana aktiviti ekonomi di kawasan Sungai Dua. Ia akan menarik lebih ramai pelanggan dan pengunjung ke kawasan ini, lalu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Secara keseluruhannya, pembukaan Food Court khas untuk Peniaga Kecil dan Sederhana di Sungai Dua, Pulau Pinang merupakan inisiatif yang baik untuk menyokong dan menggalakkan pertumbuhan perniagaan peniaga kecil dan sederhana serta ekonomi tempatan. Saya sebagai exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa akan

memanjangkan perkara ini kepada Pihak Local Authority lebih spesifik dibawah seliaan MBSP. Berpandukan “Garis Panduan Perancangan” serta guna pakai tanah berstatus Grade “Commercial Area” yang ada di sekitar DUN Sungai Dua.

8. **Yang Berhormat Teluk Air Tawar** juga turut membangkitkan isu aktiviti tambunan tanah haram di sawah-sawah padi aktif, yang bertujuan dijadikan tanah-tanah lot menjejaskan pengeluaran padi. Yang Berhormat, Pihak PlanMalaysia bersama-sama pihak berkuasa tempatan telah bekerjasama dengan Jabatan Pertanian melaksanakan Guidelines Pelan Tindakan Pengurusan Tanah Gambut (Peat Soil Management). Pelan tindakan ini juga akan menjadi rujukan penting bagi semua jabatan dan agensi yang berkepentingan dalam memastikan pengurusan pertanian secara mampan di kawasan tanah gambut. segala tindakan yang dicadang dalam pelan tindakan ini dapat dipraktik dan diperkasakan bagi mencegah kebakaran, mengoptimumkan pengeluaran hasil tanaman dan meminimumkan impak manusia dan perubahan iklim terhadap sektor pertanian di kawasan tanah gambut. Bagi memastikan keperluan bekalan makanan (food security) yang mencukupi seiring dengan pertumbuhan penduduk yang dijangka meningkat menjelang 2030, kajian RTMPK telah mencadangkan untuk mengekalkan kawasan “Agriculture Area” agar sumber sedia ada sentiasa terjamin.

9. Tidak ketinggalan, **Yang Berhormat Bukit Tengah** turut menyoal saya mengenai Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri atau lebih dikenali sebagai JTPN dan sejauh manakah JTPN ini mampu untuk membantu untuk menyokong misi Penang 2030 dan masih relevankah jawatankuasa ini ? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, JTPN berfungsi sebagai platform untuk membincangkan perancangan pembangunan fizikal dalam negeri, memastikan konsisten dengan dasar dan perancangan negeri. Sementelahan itu juga, JTPN sangat relevan kerana ia membantu dalam mengawal dan menggalakkan perancangan pembangunan fizikal yang sesuai dengan dasar negeri dan memastikan konsisten dengan perancangan yang telah dilakukan. Contoh projek yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri (JTPN) ialah Penyelenggaraan Pokok Disekitar Bandaraya, Memelihara Pokok Heritage dan Pembangunan Infrastruktur. Dengan demikian, JTPN dapat membantu dalam mencapai misi Penang 2030 yang menumpukan pada pembangunan yang bersepadu, berkesinambungan, dan berdaya saing.

Segala apa yang telah, sedang dan akan saya lakukan hanyalah “Untuk Negeri Kita”.

*Demi maruah bangsa yang gagah,
Rela kutempuhi onak duri,
Agar Penangku terus megah,
Kerajaan Perpaduan tonggak aspirasi.*

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,
Saya mohon menyokong.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Wafaei Bin Mohd Zahir
N19 Jawi
Sidang Muda 2024

